

Negara-negara Asia Timur disaran susun semula ekonomi

WM - 5/12/2006

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyarankan negara-negara Asia Timur melipatgandakan usaha menyusun semula ekonomi mereka.

Perdana Menteri berkata, jika usaha penyusunan semula ekonomi tidak dilakukan bersungguh-sungguh, ia akan menimbulkan ancaman bahaya.

"Jalan ke hadapan bukan semuanya manis dan cerah. Ketidakeimbangan tabung pelaburan global jika tidak diperbetulkan akan mewujudkan jurang yang lebih luas," katanya.

Dalam ucaptamanya pada Kongres Asia Timur Keempat di sini hari ini, Abdullah berkata, keadaan tersebut merupakan alasan yang cukup bagi menimbulkan kebimbangan di rantau ini.

Kongres tiga hari itu yang bermula hari ini bertemakan *Pembangunan Komuniti Asia Timur: Isu-isu Strategik dan Kepentingan Kritisal*. Ia dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan mengingatkan bahawa makro ekonomi global akan terus menjadi tempat yang berbahaya dan prospek pertumbuhan ekonomi akan kekal berisiko sehingga satu resolusi yang terselaras dan kaedah jangka panjang diwujudkan.

Menurut beliau, tekanan untuk menyejajarkan kadar tukaran wang Asia Timur bagi menyelesaikan ketidakeimbangan global juga boleh mengundang kebimbangan yang besar.

"Asia Timur amat tahu tentang kacau bilau yang hebat disebabkan pergerakan mata wang dan kesan spekulasi kepada ekonomi serantau," katanya.

Abdullah menjelaskan, para pemikir ekonomi terkemuka di kedua-dua belah Lautan Pasifik bersetuju bahawa tumpuan khas ke atas kadar tukaran wang tidak akan menyelesaikan masalah.

"Tiada siapa yang untung dengan mencetuskan satu lagi kemelesetan ekonomi yang berulang-ulang di Asia Timur," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, rantau Asia Timur telah menunjukkan prestasi yang baik dalam kemajuan pembaharuan ekonomi dan sosial.

Kata beliau, ini ditunjukkan oleh kadar pertumbuhan ekonomi, paras rizab asing dan kenaikan dalam permodalan pasaran saham serantau.

"Bagaimanapun, usaha-usaha pembaharuan adalah jauh daripada penyelesaian dengan kebanyakan negara hanya berada di pertengahan jalan dan sesetengahnya cuma baru bermula," katanya.

Abdullah berkata, terdapat segelintir negara belum memulakan pembaharuan, justeru ia menghadapi risiko diketepikan.

"Adalah mustahak negara-negara Asia Timur tidak teragak-agak pada peringkat penting ini," kata beliau.

Menurut Abdullah, negara-negara Asia Timur perlu memastikan usaha-usaha pembaharuan dilaksanakan secara lebih meluas supaya perubahan ekonomi kekal berkesan dan kukuh.